

Banjir: RM800j baiki infrastruktur



Pengerusi Jawatankuasa Pengelola SRAR Al Iman, Zabandi (tiga, kiri) menerima cek bernilai RM47,000 daripada Ahmad Husni.

■ ISMANIZA AHMAD

CHEMOR - Kerajaan menyediakan sebanyak RM800 juta sebagai peruntukan awal yang menumpukan kepada kerja pembaikan infrastruktur asas di negeri terjejas banjir.

Menteri Kewangan Kedua, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah berkata, bencana banjir itu telah mengakibatkan kemusnahan infrastruktur dengan anggaran mencecah sehingga RM2.9 bilion.

Menurutnya, kira-kira 400,000 mangsa yang terlibat dengan banjir luar biasa itu turut diberikan bantuan kewangan sebanyak RM500.

"Buat masa ini, kerajaan lebih memberi tumpuan kepada baik pulih pelbagai kemudahan yang rosak seperti pembinaan rumah baru, jalan,

masjid, jambatan, sekolah, pusat kesihatan dan lain-lain.

"Kita lihat gambaran ini secara keseluruhan malah kita yakin jumlah kos pembaikpulihan akan meningkat lebih dari RM2.9 bilion yang dianggarkan sebelum ini," katanya pada sidang media selepas merasmikan Sekolah Rendah Agama Rakyat (SRAR) Al Iman, Seri Desa Tanah Hitam, semalam.

Beliau berkata, anggaran yang diperoleh ini berdasarkan kepada laporan kerosakan terkini dari kementerian yang terlibat termasuk Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pendidikan.

Menurutnya, mungkin akan ada penambahan kepada peruntukan membaikpulihan sekiranya kerajaan memperoleh pendapatan dari sumber lain.

"Kita cuba cari pendapatan

dari sumber lain, jika ada kita akan tambah untuk kerja baik pulih. Ini kerana terdapat kerja-kerja pembaikan yang mengambil masa lebih panjang dari setahun. Apabila kita dapat sumber lain, saya akan buat pengumuman," katanya.

Sementara itu, beliau turut menyumbangkan cek bernilai RM47,000 kepada pihak pengurusan SRAR Al Iman Seri Desa Tanah Hitam untuk melengkapkan beberapa keperluan bagi keselesaan murid.

Sekolah berkenaan yang dibina dengan peruntukan hampir RM500,000 memulakan sesi pembelajaran pada Januari 2015 dengan 125 murid darjah satu hingga enam.

Selain empat bilik darjah, sekolah ini juga menyediakan ruang solat, pejabat dan bilik mesyuarat.